



KEMENTERIAN
PENDIDIKAN
MALAYSIA



GARIS PANDUAN

PROJEK TAHUN AKHIR (PT(A)TA)

KOLEJ VOKASIONAL



KEMENTERIAN
PENDIDIKAN
MALAYSIA



GARIS PANDUAN

PROJEK TAHUN AKHIR (PTA)

KOLEJ VOKASIONAL

**BAHAGIAN PENDIDIKAN LATIHAN DAN TEKNIKAL VOKASIONAL
(BPLTV)**

Edisi Januari 2020

Disediakan Oleh:

Sektor Jaminan Kualiti Dan Pengiktirafan Program SVM/DVM



Cetakan Pertama 2016

Cetakan Kedua 2017

Cetakan Ketiga 2018

Cetakan Keempat 2019

Cetakan Kelima 2020

Edited Version January 2020

© Kementerian Pendidikan Malaysia

Hak Cipta Terpelihara. Mana-mana bahan dalam buku ini, tidak dibenarkan diterbitkan semula, disimpan dalam cara yang boleh dipergunakan lagi, ataupun dipindahkan dalam sebarang bentuk atau cara, baik dengan elektronik, fotokopi, mekanik, penggambaran semula maupun dengan cara perakaman tanpa kebenaran terlebih dahulu daripada Pengarah Bahagian Pendidikan Latihan dan Teknikal Vokasional(BPLTV), Kementerian Pendidikan Malaysia; Aras 5-6, Blok E14, Kompleks Kerajaan Parcel E, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan 62604 Putrajaya.

Diterbitkan untuk Kementerian Pendidikan Malaysia.

Diterbitkan oleh : Majlis Pengarah Pengetua Kolej Vokasional/SMT Kebangsaan

d/a Kolej Vokasional Port Dickson,
Km. 5, Jalan Seremban,
71000 Port Dickson,
Negeri Sembilan.

Dicetak oleh : Merah Print & Supply Sdn. Bhd.
No. 20 & 20A, Jalan 4/12A,
Seksyen 4 Tambahan,
43650 Bandar Baru Bangi,
Selangor Darul Ehsan.

Tel : +603-8922 3140

Faks : +603-8912 2770

Email : merahprint.supply@yahoo.com

Facebook : Merah Print

| | ISI KANDUNGAN | MUKA SURAT |
|--|---------------|------------|
| Kandungan Muka Surat | | i-iii |
| Jawatankuasa Panel Penulis | | iv |
| Penghargaan BPLTV | | v |
| Kata Aluan | | vi |
| NAMA DAN TARikh BERKUATKUASA | | 1 |
| TUJUAN | | 1 |
| RINGKASAN | | 1 |
| 1.0 PENGENALAN | | 2 |
| 2.0 TEMPOH PELAKSANAAN | | 2 |
| 3.0 PROSEDUR PELAKSANAAN PROJEK AKHIR | | 3 |
| 4.0 PENYEDIAAN PROJEK AKHIR | | 4 |
| 5.0 PANDUAN PEMILIHAN PROJEK | | 4 |
| 6.0 PENYEDIAAN KERTAS CADANGAN | | 5 |
| 6.1 Kandungan Kertas Cadangan | | 6 |
| 6.2 Format Kertas Cadangan | | 7 |
| 6.3 Pembentangan Kertas Cadangan | | 7 |
| 6.4 Buku Log | | 8 |
| 7.0 PENYEDIAAN KERTAS CADANGAN | | 9 |
| 7.1 Susunan dan Kandungan | | 9 |
| 7.1.1 Abstrak | | 9 |
| 7.1.2 Isi Kandungan | | 10 |
| 7.1.3 Senarai Jadual | | 10 |
| 7.1.4 Senarai Rajah | | 10 |
| 7.1.5 Daftar Lampiran | | 10 |



| | | |
|---------------|---|----|
| 7.1.6 | Bab 1 : Pengenalan | 11 |
| 7.1.7 | Bab 2 : Kajian Literatur | 13 |
| 7.1.8 | Bab 3 : Metodologi | 14 |
| 7.1.9 | Bab 4 : Dapatan Dan Analisis | 16 |
| 7.1.10 | Bab 5 : Perbincangan, Cadangan Dan Kesimpulan | 16 |
| 7.1.11 | Rujukan | 17 |
| 7.1.12 | Lampiran | 17 |
| 7.2 | Saiz dan Format Penulisan Laporan | 18 |
| 7.2.1 | Penjilidan Penulisan Laporan | 18 |
| 7.2.2 | Format Kulit Depan Laporan | 18 |
| 7.2.3 | Muka Halaman Judul | 19 |
| 7.2.4 | Kertas | 19 |
| 7.2.5 | Ruang Tepi Muka Surat | 19 |
| 7.2.6 | Teks Laporan | 19 |
| 7.2.7 | Bahan Ilustrasi | 20 |
| 7.3 | Format Rujukan | 20 |
| 8.0 | PEMBENTANGAN PROJEK | 21 |
| 8.1 | Kandungan Persembahan | 21 |
| 8.2 | Masa Persembahan | 22 |
| 9.0 | PENILAIAN PROJEK | 22 |
| 10.0 | PENUTUP | 25 |

| | | |
|---------------|---|----|
| 11.0 LAMPIRAN | 26 | |
| LAMPIRAN 1 | Contoh Format Kertas Cadangan (Proposal) | 27 |
| LAMPIRAN 2 | Buku Log PTA 1 | 31 |
| LAMPIRAN 3 | Buku Log PTA 2 | 34 |
| LAMPIRAN 4 | Format Penulisan Kajian Literatur dan rujukan gaya Sistem Amerriican Psychological Association (APA) | 37 |
| LAMPIRAN 5 | Contoh Format Kulit Muka Hadapan, Tulang Tepi dan Muka Hadapan Dalam Laporan PTA | 43 |
| LAMPIRAN 6 | Contoh Pengakuan Penulis, Perakuan Penyelia Projek, Perakuan Pegawai Pengesah Luaran dan Penghargaan | 46 |
| LAMPIRAN 7 | Contoh Penulisan Abstrak | 49 |
| LAMPIRAN 8 | Contoh Carta Alir Kaedah Pelaksanaan Kajian | 51 |
| LAMPIRAN 9 | Borang Penilaian Projek tahun Akhir 1 (PTA1) | 52 |
| LAMPIRAN 10 | Rubik Penilaian PTA 1 | 58 |
| LAMPIRAN 11 | Borang Penilaian Projek Tahun Akhir 2 (PTA 2) | 64 |
| LAMPIRAN 12 | Rubik Penilaian PTA 2 | 70 |
| LAMPIRAN 13 | Panduan Penetapan Dokumen Menggunakan Ms Word | 77 |
| LAMPIRAN 14 | <i>Syllabus</i> : PTA 1 | 83 |
| LAMPIRAN 15 | <i>Syllabus</i> : PTA 2 | 89 |
| LAMPIRAN 16 | Template Penulisan Laporan PTA | 96 |
| LAMPIRAN 17 | Contoh Carta Gantt Pelaksanaan PTA | 89 |

PENASIHAT

Haji Azman Bin Haji Adnan

Pengarah

BAHAGIAN PENDIDIKAN & LATIHAN TEKNIKAL VOKASIONAL

PENGERUSI

En.Fauzi bin Abdullah

Ketua Penolong Pengarah Kanan

Sektor Kurikulum TVET BPLTV

TIMBALAN PENGERUSI

Pn.Hafidzah binti Omar

Ketua Penolong Pengarah

Sektor Jaminan Kualiti dan Pengiktirafan

Program SVM/DVM BPLTV

PENGURUS PROJEK

Ts. Rosman bin Bahri

Penolong Pengarah

Sektor Jaminan Kualiti dan Pengiktirafan

Program SVM/DVM BPLTV

SETIAUSAHA

Pn.Anita binti Hashim

Penolong Pengarah

Sektor Jaminan Kualiti dan Pengiktirafan

Program SVM/DVM BPLTV

AHLI-AHLI PANEL

Penasihat

PROF.MADYA DR.ERWEEN BIN ABD RAHIM

(Universiti Tun Hussein Onn Malaysia)

- | | |
|---------------------------------------|---------------------------|
| 1. En. Azali bin Ithnin (Ketua Panel) | - KV Datuk Seri Mohd. Zin |
| 2. Ts Dr. Janain Bin Burut | - KV Sungai Buloh |
| 3. Ts Yusri Bin Abd Rahman | - KV Seri Iskandar |
| 4. Mejar Jalil bin Mohamed | - KV Taiping |
| 5. En Azhar bin Abdul Rahman | - KV Batu Pahat |
| 6. Ts Ahmad Kamal Bin Hj. Md Duraibi | - BPLTV |

PENGHARGAAN



KEMENTERIAN
PENDIDIKAN
MALAYSIA

Bahagian Pendidikan Dan Latihan Teknikal Vokasional (BPLTV) ingin merakamkan penghargaan yang tidak terhingga atas sokongan dan kerjasama semua pihak yang terlibat dalam menghasilkan dokumen Garis Panduan Projek Akhir Tahun (PTA) ini.

Sumbangan yang diberikan telah menunjukkan komitmen, sokongan dan jalinan kerja sepasukan yang begitu erat dan bermakna bagi memastikan program PTA dapat dilaksanakan dengan sistematik di Kolej Vokasional.

Semoga kesungguhan ini terus berkembang bagi mencapai matlamat dalam melahirkan tenaga kerja mahir serta menjana modal insan kreatif dan inovatif di bawah Transformasi Pendidikan Teknik dan Vokasional untuk memenuhi aspirasi negara.

Bahagian Pendidikan Dan Latihan Teknikal Vokasional
Kementerian Pendidikan Malaysia,
Aras 5 & 6, Blok E14, Parcel E,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62604 Putrajaya.

Tel : 03-88845154
Fax : 03-88845047

Laman web kementerian <https://www.moe.gov.my>
Laman web bpltv <https://www.bpltv.edu.my>



Terlebih dahulu marilah kita panjatkan kesyukuran ke hadrat Allah s.w.t serta selawat dan salam ke atas junjungan Nabi Muhammad s.a.w atas kesempatan untuk menerbitkan Garis Panduan Projek Tahun Akhir (PTA) bagi membantu membangunkan modal insan negara yang mampu bersaing dengan negara maju di dunia, serta berupaya melahirkan generasi muda yang berpengetahuan, mampu berfikir secara kritis dan kreatif, mempunyai kemahiran kepimpinan yang mantap dan berupaya berkomunikasi dengan berkesan pada peringkat global.

Dalam usaha mencapai aspirasi yang tinggi dalam persekitaran persaingan global yang semakin sengit, tidak dinafikan bahawa proses pelaksanaan pembelajaran dan pengajaran memerlukan pendekatan dan strategi baharu agar setiap pelajar mampu memiliki dan menguasai kemahiran yang diperlukan dalam abad ke-21. Kaedah pelaksanaan projek berfungsi sebagai titik tumpuan yang memuncak bagi menggalakkan pelajar mengaitkan pengetahuan, kemahiran dan kebolehan mereka sepanjang berada di Kolej Vokasional seperti yang digariskan dalam Kerangka Kelayakan Malaysia. Situasi ini menggambarkan bahawa pelajar perlu menguasai hasil pembelajaran sebelum mereka bergraduat.

Sehubungan dengan itu Bahagian Pendidikan Latihan & Teknikal Vokasional (BPLTV) telah mengambil langkah proaktif dengan membangunkan Garis Panduan Projek Tahun Akhir (PTA) bagi kegunaan pelajar dengan mengambil kira pelaksanaan pembelajaran dan pengajaran terdahulu.

Dalam konteks ini, diharap garis panduan ini dapat membantu pelajar dan warga Kolej Vokasional dalam persediaan Projek Tahun Akhir (PTA) serta mencapai hasil pembelajaran yang dikehendaki. Setinggi-tinggi tahniah kepada semua pihak yang telah berusaha dengan gigih untuk menghasilkan garis panduan ini.

Saya berharap Garis Panduan Projek Tahun Akhir (PTA) ini dapat melancarkan peranan dan tanggungjawab semua pihak tanpa mengekang kreativiti mereka.

HAJI AZMAN BIN HAJI ADNAN

Pengarah

Bahagian Pendidikan & Latihan Teknikal Vokasional
Kementerian Pendidikan Malaysia

NAMA DAN TARIKH BERKUATKUASA

Dokumen ini dinamakan **GARIS PANDUAN PROJEK TAHUN AKHIR**. Garis panduan ini diwujudkan di bawah amalan dan bidang kuasa Bahagian Pendidikan Latihan & Teknikal Vokasional (BPLTV) bagi pelaksanaan program Diploma Vokasional Malaysia (DVM) di Kolej Vokasional, Kementerian Pendidikan Malaysia yang berkuatkuasa pada **1 Januari 2017**.

TUJUAN

Garis panduan ini disediakan bagi membantu pelajar di semua institusi Kementerian Pendidikan Mafaysia (**KPM**), ILKA dan ILKS yang melaksanakan Program Dilploma dalam menjalankan Projek Tahun Akhir.

RINGKASAN

| | |
|----------------|---|
| “KPM” | Kementerian Pendidikan Malaysia |
| “BPLTV” | Bahagian Pendidikan dan Latihan Teknikal Vokasional |
| “ KV” | Kolej Vokasional, Kementerian Pendidikan Malaysia |
| “ ILKA” | Institusi Latihan Kemahiran Awam |
| “ ILKS” | Institusi Latihan Kemahiran Swasta |
| “DVM” | Diploma Vokasional Malaysia |
| “PTA” | Projek Tahun Akhir |
| “PP” | Penyelia Projek |
| “PPT” | Pemberi Pendidikan Tinggi |
| “MQA” | <i>Malaysian Qualifications Agency</i> |
| “MBOT” | <i>Malaysia Board of Technologists</i> |

1.0 PENGENALAN

Projek Tahun Akhir (PTA) merupakan kursus wajib dalam program Diploma Vokasional Malaysia (DVM) yang perlu dilaksanakan pada tahun akhir bertujuan untuk menguji dan menilai kemahiran pelajar dalam mengaplikasikan kemahiran yang telah dipelajari sepanjang tempoh pengajian empat (4) tahun lima (5) bulan yang dibahagikan kepada dua (2) tahun peringkat SVM dan dua (2) tahun lima (5) bulan peringkat Diploma.

Sepanjang pelaksanaan, pelajar dibimbing oleh pensyarah yang berperanan sebagai Penyelia Projek (PP) untuk menyelia, memantau dan membantu pelaksanaan PTA tersebut. Penyelia Projek juga bertanggungjawab dalam memastikan PTA dapat disempurnakan dalam tempoh masa yang ditetapkan. Laporan projek yang memenuhi kehendak format perlu dihantar kepada Ketua Program masing-masing dan pencapaian pelajar dinilai mengikut kaedah dan format penilaian yang ditetapkan.

Pelajar akan dinilai dari segi kemahiran mereka bentuk, mengendalikan mesin, menyelesaikan masalah, menganalisa, pengurusan teknikal dan penulisan laporan. Laporan PTA akan disemak oleh *Proof Reader* untuk memastikan susunan dan tatabahasa mengikut format yang ditetapkan sebelum dinilai oleh Penyelia Projek (PP).

2.0 TEMPOH PELAKSANAAN

Tempoh pelaksanaan Projek Tahun Akhir adalah selama 2 semester iaitu Projek Tahun Akhir 1 (PTA 1) pada semester 3 dan Projek Tahun Akhir 2 (PTA 2) pada semester 4 dengan pengiraan dua (2) unit kredit bagi PTA 1 dan empat (4) unit kredit bagi PTA 2 seperti dalam struktur KSKV mengikut program masing-masing.

3.0 PROSEDUR PELAKSANAAN PROJEK TAHUN AKHIR

Pemilihan projek adalah berdasarkan kepada produk fizikal atau perkhidmatan atau *trading* atau kajian sosial atau khidmat komuniti yang mempunyai ciri-ciri inovasi dan memberikan impak serta mempunyai nilai komersial atau aspek keusahawanan yang tinggi. Projek yang boleh diaplikasi mengikut keperluan industri dan komuniti amat digalakkan.

Projek yang akan dijalankan perlu mengambil kira kos keseluruhan serta boleh dilaksanakan dalam tempoh masa yang diperuntukkan. Projek hendaklah merangkumi kemahiran utama bidang berkenaan yang digariskan dan memenuhi keperluan **Kurikulum Standard Kolej Vokasional (KSKV)**.

Setiap PTA boleh dilaksanakan secara individu atau berkumpulan (tidak melebihi **3 orang**) mengikut bentuk projek. Bagi projek berkumpulan, skop tugas dan aktiviti setiap ahli hendaklah dinyatakan dengan jelas di dalam buku log.

Proses PTA1 adalah bermula dengan penyediaan kertas cadangan (*proposal*), pembentangan kertas cadangan (*proposal*), buku log, progres projek (30%), penulisan Bab 1, Bab 2 dan Bab 3 sehinggalah kepada penjilidan laporan dalam bentuk *binding tape* atau *comb binding* yang perlu dihantar kepada Penyelia Projek (PP) untuk semakan, pembentangan dan penilaian.

PTA 1 menjadi prasyarat kepada PTA 2. Bagi projek yang tidak dapat disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan di PTA 1, pelajar diberi peluang untuk menyiapkannya dalam tempoh sebulan sebelum pelaksanaan PTA 2. Pelajar dikehendaki menyiapkan projek, penulisan laporan (Bab 4 dan Bab 5) dan membentangkannya pada akhir semester 4.

Projek dan laporan projek yang lengkap dan mengikut format PTA2 yang telah dinilai dan disahkan oleh Penyelia Projek (PP), hendaklah disediakan sebanyak **dua (2) jilidan** buku kulit keras (*hard cover*) untuk simpanan program dan perpustakaan kolej vokasional (PPT) serta **satu (1) jilidan** untuk setiap pelajar dalam kumpulan tersebut.

4.0 JENIS-JENIS PROJEK TAHUN AKHIR

Terdapat **dua** jenis projek yang boleh dibangunkan iaitu:

- i) Projek Jenis Nyata
- ii) Projek Jenis Kajian

Projek Jenis Nyata merujuk kepada produk atau perisian atau perkhidmatan yang dibangunkan mengikut kaedah-kaedah yang sesuai. Pembangunan projek jenis ini perlulah menggabungkan teknologi-teknologi baru dan tidak meniru sebarang ciri-ciri produk sedia ada di pasaran. Perbandingan antara produk sedia ada dengan projek yang akan dibangunkan perlu ditunjukkan dengan jelas beserta kajian dan sokongan data. Projek jenis ini boleh merujuk kepada penyelesaian sesuatu masalah yang mungkin wujud sama ada di kolej maupun industri. Kaedah pembangunan dan pengujian ke atas projek yang dibangunkan perlu dinyatakan dengan jelas dan terperinci berserta sokongan data, analisa dan bukti-bukti berkenaan projek tersebut (ditunjukkan dalam bentuk gambar foto).

Manakala **Projek Jenis Kajian** merujuk kepada kemahiran dalam membuat kajian tentang permasalahan, pengurusan teknikal, teknologi-teknologi baru, simulasi dan sebagainya yang berkaitan dengan bidang. Hasil kajian seperti dokumen-dokumen yang dibangunkan, borang soal selidik, senarai semak dan sebagainya hendaklah disertakan sebagai bukti.

5.0 PANDUAN PEMILIHAN PROJEK

Penyelia Projek (PP) hendaklah menetapkan tema/tajuk/kategori bagi membantu pelajar menjana idea dan menentukan projek yang bakal dilaksanakan. Pembangunan projek perlulah menggabungkan teknologi baru atau inovasi produk yang sedia ada di pasaran. PTA yang dibangunkan mestilah berpandukan kepada keperluan KSKV dan boleh dikomersialkan jika sesuai.

Projek juga boleh mempunyai nilai-nilai ‘*future upgrade*’ untuk diubah suai atau ditambah baik bagi meningkatkan lagi kualiti projek tersebut. **Rekaan projek haruslah mengambil kira perkembangan teknologi terkini seperti teknologi hijau, inovasi, penjimatan tenaga, pemasangan mudah, mudah alih, kitar semula, ergonomik dan lain-lain.** Selain itu, ciri-ciri *Project Base Education (PBE)* dan *School Enterprise (SE)* hendaklah diterapkan mengikut kesesuaian projek.

Semua hasil cipta projek, hendaklah tidak meniru mana-mana pihak seperti plagiat, *outsourcing* atau ciplak. Tindakan akan dikenakan sekiranya pelajar didapati meniru mana-mana projek yang sedia ada.

Plagiat ialah amalan membuat petikan daripada sesuatu bahan berbentuk ayat, perenggan, bahagian atau beberapa ayat yang dicantum daripada sumber tertentu tanpa menyatakan sumbernya. Oleh itu, pengkaji mestilah menggunakan perkataan atau ayat sendiri dengan membuat terjemahan maksud dan perlu menyatakan nama penulis asal dan tahunnya. Manakala sekiranya penggunaan petikan secara langsung perlu diletakkan tanda pembuka dan penutup bicara iaitu “.....” dan cara penulisan sumbernya hendaklah ditulis nama penulis asal dan tahun seperti (Alias, 2014).

Outsourcing pula membawa maksud perbuatan mengupah atau meminta pihak lain untuk menyediakan PTA untuknya. Manakala ciplak adalah meniru keseluruhan dan sepenuhnya projek lain yang telah ada atau mengambil projek individu lain dan menuntut bahawa projek tersebut adalah miliknya. Kesemua cara penipuan ini, sekiranya dapat dikesan oleh Penyelia Projek (PP) maka PPT tidak akan teragak-agak untuk mengenakan tindakan dan “MENGGAGALKAN” PTA tersebut.

6.0 PENYEDIAAN KERTAS CADANGAN

Kertas cadangan projek (PTA 1) yang hendak dibangunkan perlu disediakan pada semester 3. Penulisan kertas cadangan boleh dibuat sama ada dalam Bahasa Melayu atau Bahasa Inggeris dan perlu dibentangkan kepada Penyelia Projek (PP) yang dilantik oleh PPT pada tarikh yang ditetapkan mengikut kolej masing-masing.

Tujuan penyediaan kertas cadangan adalah untuk:

- i) membentangkan idea dan cadangan PTA
- ii) memastikan kesesuaian projek untuk dilaksanakan
- iii) menekankan kepentingan komitmen pelajar dengan Penyelia Projek
- iv) melengkapkan sebahagian syarat PTA

6.1 Kandungan Kertas Cadangan

Kertas cadangan ini perlulah merangkumi keterangan secara teknikal yang lengkap berkenaan projek yang hendak dibangunkan. Secara terperinci, kertas cadangan PTA perlu merangkumi perkara-perkara seperti berikut:

- i) **Tajuk Projek**
- ii) **Senarai Nama Ahli Kumpulan**
- iii) **Nama Penyelia Projek**
- iv) **Pengenalan Projek**
- v) **Pernyataan Masalah** – pernyataan masalah yang akan diselesaikan
- vi) **Objektif Projek** – kepentingan projek dalam menyelesaikan masalah yang menjadi asas kepada pemilihan projek
- vii) **Tujuan Projek** – menjawab soalan kajian/projek atau pernyataan masalah
- viii) **Skop Projek** – ruang lingkup projek.
- ix) **Literatur** – kajian-kajian yang lepas berkaitan projek yang akan dilaksanakan. Ianya melibatkan *variable* yang dikaji.
- x) **Metodologi** – Kaedah pelaksanaan kajian yang akan dilaksanakan.
- xi) **Anggaran Kos** – kos-kos perbelanjaan yang terlibat dalam melaksanakan kajian.
- xii) **Perancangan Pelaksanaan Projek** – mengandungi Jadual Perancangan Pelaksanaan mengikut mingguan dan Carta Alir kaedah pelaksanaan projek.
- xiii) **Carta Gantt** – Satu carta perancangan pelaksanaan projek
- xiv) **Jangkaan Hasil** - Kelebihan/Spesifikasi Jangkaan apa yang diharapkan oleh ahli kumpulan daripada projek yang dihasilkan. Jangkaan yang dibuat perlu mengandungi sasaran pencapaian yang boleh diukur, contohnya;
 - a) Mencipta mesin membuat kuih ros yang boleh menghasilkan 100 keping kuih dalam masa 30 minit,
 - b) Mencipta alat kawalan jauh penggera keselamatan rumah untuk jarak kawalan 1 hingga 10 meter.

- xv) **Rujukan** – sumber-sumber yang menjadi rujukan perlu ditulis dalam laporan
- xvi) **Lampiran (jika perlu)** – Lakaran, gambar, lukisan 2D/3D, senarai bahan guna habis, Anggaran Kos, Jadual Pengagihan Kerja, Carta Gantt, Carta Alir dan sebagainya yang berkenaan.

6.2 Format Kertas Cadangan

Penyediaan kertas cadangan ini perlulah ditaip dengan menggunakan perisian MS WORD. Format Kertas Cadangan adalah seperti berikut:

- i) Kertas : A4 (tanpa cetak di muka belakang)
- ii) Jenis Tulisan : “Arial”
- iii) Saiz Tulisan : 11 (hitam)
- iv) Jarak langkau (*Paragraph*) : 1.5 spacing
- v) Panjang kertas cadangan minimum 3 muka surat dan maksimum 8 muka surat bergantung kepada Penyelia Projek (PP)
- vi) Contoh format kertas cadangan adalah seperti di **Lampiran 1**

6.3 Pembentangan Kertas Cadangan

Setiap kumpulan/individu wajib membentangkan kertas cadangan PTA kepada Penyelia Projek (PP) yang dilantik oleh Pengarah PPT bagi tujuan kelulusan kertas cadangan dan juga peruntukan kewangan. Bagi kertas cadangan yang telah diluluskan, ahli kumpulan atau individu boleh memulakan pelaksanaan projek tersebut mengikut perancangan dalam Carta Gantt dan membuat penulisan untuk Bab 1, Bab 2 dan Bab 3.

Format *slide* pembentangan adalah seperti berikut:

- i) Nama pelajar dan tajuk projek
- ii) Masalah kajian
- iii) Kajian yang hendak dilaksanakan
- iv) Objektif
- v) Metodologi
- vi) Carta Gantt (jadual pelaksanaan PTA)
- vii) Anggaran kos
- viii) Carta Alir kajian
- ix) Batasan kajian
- x) Jangkaan hasil
- xi. Rujukan

6.4 BUKU LOG

Buku log adalah merupakan satu eviden aktiviti pelajar dalam melaksanakan PTA. Pelajar diwajibkan menggunakan buku log bagi PTA 1 dan PTA 2. Skema pemarkahan buku log adalah seperti perkara 9.0 Penilaian Projek. Setiap pelajar diwajibkan merekod pembangunan dan perkembangan pelaksanaan PTA di dalam buku log. **Tujuan Buku Log dibangunkan adalah sebagai rujukan Penyelia Projek (PP) bagi memastikan kelancaran pelaksanaan PTA dan pencapaian pelajar dari masa ke semasa.** Setiap nota, aktiviti dan langkah-langkah yang dilaksanakan oleh pelajar hendaklah dicatat dalam buku log yang akan diperiksa dan ditandatangani oleh Penyelia Projek (PP) setiap kali berlakunya perjumpaan. **Minima perjumpaan antara pelajar dengan Penyelia Projek (PP) adalah 6 kali perjumpaan.** Contoh Format Buku Log PTA1 dan PTA2 adalah seperti di **Lampiran 2** dan **Lampiran 3**.

7.0 PENYEDIAAN LAPORAN PROJEK TAHUN AKHIR

7.1 Susunan Dan Kandungan

Bahagian utama laporan PTA hendaklah ditulis di bawah tajuk (*heading*) yang disusun seperti berikut:-

- i) Kulit Muka Hadapan Laporan Projek (*Hard Cover*) – Warna Biru Gelap
- ii) Muka Hadapan Dalam Laporan Projek
- iii) Pengakuan Penulis
- iv) Perakuan Penyelia Projek (PP)
- v) Penghargaan
- vi) Abstrak
- vii) Isi Kandungan
- viii) Senarai Jadual
- ix) Senarai Rajah
- x) Bab 1 : Pengenalan
- xi) Bab 2 : Kajian Literatur
- xii) Bab 3 : Metodologi
- xiii) Bab 4 : Dapatan Dan Analisis
- xiv) Bab 5 : Perbincangan, Cadangan Dan Kesimpulan
- xv) Rujukan
- xvi) Lampiran

7.1.1 Abstrak

Abstrak ialah satu pernyataan ringkas yang lengkap meliputi keseluruhan kandungan laporan PTA. Panjangnya hendaklah tidak melebihi 300 patah perkataan dalam satu (1) perenggan dan satu (1) halaman muka surat sahaja. Abstrak perlu disediakan dalam dua bahasa iaitu Bahasa Melayu dan diikuti Bahasa Inggeris di halaman muka surat yang berasingan. Contoh penulisan Abstrak adalah seperti di **Lampiran 7**.

Antara kandungan penting dalam abstrak ialah :

- i) Kenapa kajian/rekabentuk dijalankan
- ii) Pernyataan masalah: Apa masalah yang cuba diselesaikan?
- iii) Pendekatan/kaedah digunakan untuk selesaikan masalah: Simulasi, analisis model, penghasilan prototaip, pengumpulan data dan analisa produk sebenar.
- iv) Keputusan: Dinyatakan dalam bentuk teks yang menyatakan sesuatu yang lebih baik dari sedia ada.
- v) Kesimpulan: Implikasi keputusan, perubahan yang telah dibuat, produktiviti meningkat dan sebagainya.

7.1.2 Isi Kandungan

Bahagian ini mengandungi senarai isi kandungan beserta muka surat.

7.1.3 Senarai Jadual

Bahagian ini mengandungi semua senarai jadual yang terkandung di dalam laporan PTA. Tajuk jadual dalam laporan hendaklah ditulis di bahagian atas jadual.

7.1.4 Senarai Rajah

Bahagian ini mengandungi semua senarai rajah yang terkandung di dalam laporan PTA. Senarai ini diperlukan sekiranya terdapat rajah yang digunakan dalam penulisan laporan. Tajuk rajah dalam laporan hendaklah ditulis di bahagian bawah rajah.

7.1.5 Daftar Lampiran

Senarai ini diperlukan sekiranya terdapat lampiran dokumen yang disertakan dalam penulisan laporan.

7.1.6 Bab 1 : Pengenalan

Perkara-perkara yang perlu dinyatakan dalam bab ini adalah:

i) **Pengenalan**

Pengenalan meliputi perkara yang dikaji, tujuan kajian dan ringkasan skop projek yang akan dikaji. Bahagian ini juga merumuskan keseluruhan projek yang dilaksanakan, hasil dan pencapaian projek serta perancangan dan harapan untuk projek akan datang. Kelemahan, kelebihan dan cadangan penambahbaikan perlu dinyatakan dengan ringkas dan tepat. Inovasi dalam merekabentuk produk atau proses juga perlu dinyatakan.

ii) **Latar Belakang Kajian**

Masalah yang ingin dikaji haruslah dinyatakan secara khusus dengan menghuraikan suasana atau keadaan (masalah) yang menyebabkan kajian itu perlu dilaksanakan termasuk penerangan idea asal dan bagaimana ianya tercetus.

iii) **Penyataan Masalah**

Penyataan masalah adalah keadaan sebenar yang dihadapi yang menjadi idea atau pencetus kepada inovasi projek.

iv) **Tujuan**

Menjawab persoalan kajian atau penyataan masalah atau matlamat kajian.

iv) **Objektif**

Objektif yang dimaksudkan dalam bahagian ini adalah tujuan atau kepentingan projek ini dibangunkan. Dalam bahagian ini perlu dinyatakan dengan jelas sasaran yang ingin dicapai oleh setiap ahli kumpulan terhadap projek yang dibangunkan ini. Objektif haruslah spesifik, ringkas, boleh diukur dan boleh dicapai.

Contoh-contoh objektif PTA dalam pelbagai program adalah seperti berikut:

- a) Mereka bentuk Mesin Pengisar Kacang Soya yang dapat memproses dengan cepat.
- b) Menghasilkan lampu isyarat pintar yang efisien dan selamat.
- c) Menghasilkan formula makanan ayam pedaging.
- d) Menghasilkan *jig* dan lekapan pada meja kerja kimpalan yang boleh mengimbal pelbagai kedudukan.
- e) Menyediakan *software* landskap yang mesra pengguna (*user friendly*).
- f) Menghasilkan SOP kepatuhan pelajar terhadap keselamatan dan kesihatan pekerjaan di kolej.
- g) Mengurus pertunjukan fesyen mengikut perancangan.
- h) Mengurangkan kadar penyelenggaran pembaikan enjin kereta sebanyak 50%.
- i) Mewujudkan sistem penyelenggaraan boleh ramal (*predictive maintenance*) yang berkesan.

v) **Kepentingan Kajian**

Pelajar hendaklah menjelaskan kepentingan dan sumbangan kajian yang akan dilaksanakan. Misalnya, kepentingan kajian akan memantapkan lagi penjelasan tentang sesuatu hukum, memperkemaskan sesuatu kaedah, memperbetulkan sesuatu fahaman atau seumpamanya termasuk kepentingan dan sumbangannya dalam menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh masyarakat dan negara.

vi) **Skop Projek**

Skop kajian adalah limitasi atau batasan projek yang akan dilaksanakan. Hal ini menjelaskan skop kajian yang dibangunkan sama ada untuk memenuhi kehendak industri atau teknologi terkini. Jika kajian melibatkan projek sedia ada, nyatakan kelebihan inovasinya berbanding projek tersebut. Bagi kajian yang baru, nyatakan permasalahan yang hendak diselesaikan dan kesannya ke atas pengguna, sistem pengurusan, teknologi, persekitaran dan sebagainya. Antara perkara yang perlu dipertimbangkan ialah:

- a) Ruang lingkup kajian
- b) Saiz / dimensi

- c) Golongan sasaran
- d) Kaedah tertentu yang digunakan
- e) Had-had tertentu

Teknik/kaedah yang digunakan dalam pembangunan projek merangkumi elemen konsep pengoperasian, metodologi yang digunakan dan kawalan terhadap projek yang hendak dibangunkan juga boleh dimasukkan sebagai skop projek.

7.1.7 Bab 2 : Kajian Literatur

Kajian literatur merupakan huraian tentang kajian-kajian lepas berkaitan dengan kajian yang akan dilaksanakan dengan berpandukan kepada pembolehubah-pembolehubah yang akan dikaji. Kajian ini mengulas tentang perkara yang telah dibahas atau dibincangkan oleh penyelidik yang lepas berkaitan teori-teori dan hipotesis kajian yang menyokong kajian, permasalahan penelitian yang diajukan atau ditanyakan, kaedah penyelidikan yang sesuai berkaitan dengan kajian yang akan dilaksanakan. Data atau maklumat komponen-komponen yang akan digunakan di dalam membangunkan kajian atau projek juga boleh juga dimasukkan di dalam bab ini.

Tujuan kajian literatur adalah untuk mengkaji kajian-kajian berkaitan bagi mengenal pasti sejauh mana sesuatu masalah yang hendak dikaji itu telah dikaji oleh pengkaji terdahulu dan memetik sebahagian kecil sesuatu sumber bahan bertulis termasuk laporan-laporan hasil kajian yang lepas yang telah dijalankan sebelum ini. Kajian literatur dapat meluaskan lagi asas pengetahuan dalam sesuatu bidang penyelidikan yang akan dilaksanakan dan membolehkan penyelidik mengetahui makna pembolehubah yang dikaji untuk tujuan menerangkan masalah tentang kajian yang ingin dijalankan. Bab ini dapat menjelaskan justifikasi tentang kepentingan kajian iaitu mengapa kajian tersebut perlu dijalankan, dapat memperbaiki kaedah penyelidikan dan dapat membuat perbandingan antara kajian yang sebelum dengan kajian penyelidik iaitu sama ada terdapat persamaan atau perbezaan antara pemboleh ubah yang dikaji serta membolehkan pengkaji membuat cadangan secara teoritikal dan cadangan pada masa akan datang.

Secara ringkasnya bab ini juga menerangkan kajian yang telah dijalankan oleh pihak lain berkaitan dengan bidang projek yang sedang dijalankan dan teknik/kaedah/peralatan/teknologi yang digunakan semasa melaksanakan projek/kajian. Banyak rujukan perlu dibuat dalam bab ini sama ada dari buku, kertas kerja persidangan, artikel jurnal, majalah, tesis atau Internet. Segala sumber rujukan perlu ditulis secara jelas dalam kandungan teks dan dinyatakan dalam senarai rujukan. Contoh cara penulisan kajian literatur bagi bahan yang diambil daripada buku, jurnal, tesis dan web boleh dirujuk dalam **Lampiran 4.**

7.1.8 Bab 3 : Metodologi

Bab ini menerangkan kaedah dan perancangan pelaksanaan projek. Dalam menghasilkan rekabentuk sesuatu projek, beberapa perkara perlu dipertimbangkan. Misalnya dari segi pemilihan bahan, konsep reka bentuk, analisis kejuruteraan, analisis pengukuran, Ujian Makmal dan lukisan kejuruteraan (mengikut kehendak program).

Setiap reka bentuk yang dibuat perlu mengambil kira beberapa faktor seperti faktor pengguna (mengikut umur, jantina, pengalaman dan sebagainya), persekitaran (cuaca, suhu, tempat/lokasi dan sebagainya), ergonomik (keselesaan projek), bahan mentah (mudah dicari dan murah harganya), peralatan (kemudahan perolehan, lokasi, teknologi dan penyelenggaraan) dan keselamatan (berpandukan Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994). Segala proses pembuatan atau proses kerja dalam menyiapkan projek perlu dinyatakan dalam bab ini.

Pelajar perlu memasukkan perkara-perkara berikut mengikut kehendak program :

- i. Lukisan 2D dan 3D sekiranya ada.
- ii. Penerangan mengenai reka bentuk produk dari segi saiz, bahan yang digunakan, pecahan komponen/bahagian-bahagian, konsep yang digunakan dan fungsinya.
- iii. Kos pembuatan dan cadangan harga jualan (kos bahan mentah, kos penggunaan mesin, peralatan, buruh, elektrik, rekabentuk serta kos keseluruhan projek).
- iv. Pengiraan kos secara keseluruhan.

Antara perkara-perkara yang boleh dibincangkan dalam bab ini ialah:

- i) **Proses Pembuatan** : Proses-proses yang terlibat dalam pembangunan produk bermula dari reka bentuk dan penghuraian mengenai radas/peralatan, teknik pengukuran termasuk punca-punca kesilapan, cara-cara untuk mengurangkannya, bahan-bahan yang digunakan, cara-cara pengeluaran dan contoh-contoh pengujian.
- ii) **Masalah Teori atau Reka bentuk** : Penghuraian mengenai teknik yang digunakan. Pengiraan matematik yang terlalu panjang hendaklah disediakan sebagai lampiran. Bahagian ini juga hendaklah mengandungi senarai ujian-ujian yang telah dijalankan.
- iii) **Senarai bahan dan peralatan** : Bahan dan peralatan yang diguna perlulah disenaraikan. Sebab-sebab pemilihan bahan / peralatan tersebut juga perlu dinyatakan termasuk fungsi, spesifikasi, ukuran dan kuantitinya.
- iv) **Soal Selidik Kajian** : Perlu disertakan sekiranya diguna dalam kajian ini.
- v) Kerja-kerja yang terlibat dalam pembangunan PTA ini perlu diringkaskan dalam bentuk Carta Alir Proses dan Carta Gantt. Penyediaan Carta Gantt hendaklah dijelaskan dalam dua proses iaitu:
 - a) Perancangan
 - b) Pelaksanaan

7.1.9 Bab 4 : Dapatan Dan Analisis

Dalam bahagian ini pelajar perlu menghuraikan hasil dapatan kajian dan hasil analisis data berkaitan projek yang dibangunkan termasuk ujikaji yang dilakukan ke atas produk serta kaedah-kaedahnya dan peralatan-peralatan yang digunakan. Sekiranya produk yang terhasil tidak memenuhi spesifikasi yang ditetapkan, cadangan penggunaan kaedah-kaedah lain bagi mengatasi masalah tersebut juga boleh dibincangkan.

Antara perkara-perkara utama yang perlu disentuh dalam bab ini adalah:

- i) Senarai alatan pengujian
- ii) Kaedah pengujian dan penentu ukuran (*calibration*)
- iii) Keselamatan dalam pengujian / langkah berjaga-jaga
- iv) Peringkat pertama keputusan pengujian dan penentu ukur.
- v) Peringkat akhir keputusan pengujian
- vi) Membaikpulih dan penyelenggaraan
- vii) Dapatan dan analisis kajian
- viii) Demografi responden
- ix) Dapatan dan analisis kajian / keputusan berdasarkan persoalan kajian

Hasil keputusan adalah bergantung kepada berapa banyak maklumat yang akan dibentangkan. Contohnya dari segi kos, masa operasi, produktiviti dan lain-lain yang biasanya diringkaskan dalam bentuk jadual, rajah, carta, graf dan gambar. Semua eviden hasil keputusan kajian perlu dilampirkan. Bagi data-data keputusan ujikaji dan cetak keluar komputer (*computer printouts*) yang bersaiz besar boleh dilampirkan berasingan di dalam fail.

7.1.10 Bab 5 : Perbincangan, Cadangan Dan Kesimpulan

Perkara-perkara yang perlu dinyatakan dalam bab ini adalah:

- i) Pengenalan
- ii) Perbincangan
- iii) Cadangan
- iv) Kesimpulan dan rumusan

Penulisan pada bahagian-bahagian di atas tidak semestinya secara turutan. Sebarang syor atau cadangan untuk kajian lanjutan bagi memperbaiki teknik kajian juga boleh dinyatakan.

Bab ini turut merumuskan projek yang dilaksanakan secara keseluruhan termasuk hasil dan pencapaiannya sama ada mencapai objektif atau tidak, perancangan dan harapan untuk projek akan datang. Penemuan kelemahan, kelebihan dan cadangan penambahbaikan serta Inovasi dalam reka bentuk perlu dinyatakan dengan ringkas dan tepat.

7.1.11 Rujukan

Laporan hendaklah disertakan dengan satu senarai tepat rujukan-rujukan yang dipetik untuk membolehkan mana-mana pembaca membuat rujukan dan semakan. Semua penerbitan yang dirujuk di dalam laporan perlu dimasukkan ke dalam senarai rujukan. Rujukan pula haruslah disusun mengikut abjad manakala penulisannya hendaklah mengikut sistem *American Psychological Association (APA)*. Contoh cara penulisan rujukan boleh dirujuk dalam **Lampiran 4**.

7.1.12 Lampiran

Bahagian ini mengandungi data-data kajian, laporan ujikaji produk, maklumat peralatan, aturcara komputer, contoh soal selidik, peta, gambar , graf, carta, rajah, jadual dan sebagainya yang merupakan eviden kepada projek. Lampiran boleh diberi nama seperti Lampiran A, Lampiran B dan seterusnya bergantung kepada jenis dan banyaknya bahan yang disertakan sebagai lampiran. Lampiran boleh juga diberi tajuk-tajuk tertentu mengikut kesesuaian.

7.2 Saiz Dan Format Penulisan Laporan

7.2.1 Penjilidan Penulisan Laporan

Setelah selesai proses pembentangan, penilaian, kelulusan dan pengesahan daripada Penyelia Projek (PP) dan Panel Penilai, **dua (2) jilidan** buku kulit keras (*hard cover*) Laporan Projek Tahun Akhir hendaklah disediakan bagi tujuan rujukan dan simpanan program dan perpustakaan Kolej Vokasional (PPT/PBC) dan **satu (1) jilidan** untuk setiap pelajar dalam kumpulan tersebut .

Bilangan minima muka surat Laporan Projek Tahun Akhir adalah 20 muka surat manakala bilangan maksimanya ialah 50 muka surat (termasuk jadual dan gambarajah proses kerja) tidak termasuk isi kandungan, lampiran, gambar dan lain-lain ilustrasi.

Laporan Projek Tahun Akhir boleh ditulis sama ada dalam Bahasa Malaysia atau Bahasa Inggeris (keseluruhannya) tetapi tidak boleh dicampur adukkan kedua-dua bahasa tersebut. Jika terdapat perkataan Bahasa Inggeris yang tidak boleh diterjemah di dalam Bahasa Malaysia, ia boleh ditulis di dalam tulisan jenis '*italic*'.

Laporan Projek Tahun Akhir hendaklah diserahkan kepada Penyelia Projek (PP) sebelum atau pada tarikh akhir yang ditetapkan oleh Unit Pentaksiran BPTV.

7.2.2 Format Kulit Muka Hadapan Laporan

Kulit muka hadapan laporan mestilah mengandungi maklumat seperti tajuk, nama penulis, tahun, program dan nama kolej vokasional dalam huruf besar tebal berwarna emas (*bold gold*). Apabila menjilid Laporan Projek Tahun Akhir, satu helaian kosong hendaklah mendahului muka surat bertaip yang pertama dan satu helaian kosong juga dikembarkan sebelum kulit belakang. Warna kulit hadapan Laporan Projek Tahun Akhir ialah **Biru Tua** (*dark blue*) bagi semua program di kolej vokasional. Contoh penulisan kulit muka hadapan, tulang tepi dan muka hadapan dalam Laporan Projek Tahun Akhir adalah seperti dalam **Lampiran 5**.

7.2.3 Muka Halaman Judul

Muka halaman judul hendaklah mengandungi Muka Hadapan Dalam PTA iaitu tajuk, nama pelajar, jenis diploma, program dan tahun seperti **Lampiran 5**. Juga dilampirkan contoh Pengakuan Penulis, Perakuan Penyelia Projek (PP) dan Penghargaan seperti di **Lampiran 6**.

7.2.4 Kertas

Kertas berwarna putih bersaiz A4 : 80 gram.

7.2.5 Ruang Tepi Muka Surat

Untuk tujuan penjildan dan kekemasan, jarak minimum bagi ruang tepi muka surat adalah seperti berikut:-

| | | |
|-------|---|------|
| Kiri | - | 40mm |
| Atas | - | 25mm |
| Kanan | - | 25mm |
| Bawah | - | 25mm |


7.2.6 Teks Laporan

Format penulisan adalah seperti berikut:

- i) Jenis Tulisan : “*Arial*”
- ii) Saiz Tulisan : 11
- iii) Jarak satu setengah baris/ ‘1.5 spacing’ (*Paragraph*), kecuali bahagian-bahagian lazim seperti jadual dan seumpamanya sahaja yang dibenarkan menggunakan satu jarak (*single spacing*).
- iv) ‘*Text Alignment*’ : *Justify*
- v) Sistem Nombor - Cara menomborkan penulisan adalah berdasarkan topik dan subtopik. Pelajar boleh memilih satu cara yang **konsisten** dalam keseluruhan penulisan laporan projek (sistem yang sama hendaklah digunakan dalam setiap bab).
- vi) Muka surat - Setiap muka surat mestilah mengandungi nombor muka surat yang terletak di bahagian bawah penjuru sebelah kanan.
- vii) Panduan penetapan format penulisan projek boleh dirujuk dalam **Lampiran 13.**

7.2.7 Bahan Ilustrasi

Ilustrasi asal adalah diutamakan walaupun saiznya agak besar (lebih besar dari saiz A4). Walau bagaimanapun salinan bersaiz kecil juga adalah diterima. Gambar atau gambarajah hitam-putih atau berwarna, atau salinan fotostat ilustrasi tersebut, juga boleh dilampirkan dalam laporan sepetimana contoh dalam **Rajah 1** di bawah:



Rajah 1: Kerangka Badan Korporat di Malaysia – The Onion Model

(Sumber: Hasanah Ismail, 2005)

7.3 FORMAT RUJUKAN

Berikut adalah contoh format penulisan rujukan menurut *Publishing Manual of the American Psychological Association*, (APA) 2001 Edisi ke-5. Untuk keterangan lebih lanjut, sila semak *APA Publication Manual* atau layari laman web *APA Publication Manual* iaitu www.apastyle.org atau rujuk **Lampiran 4**.

8.0 PEMBENTANGAN PROJEK

8.1 Kandungan Persembahan

Persembahan Projek Tahun Akhir mestilah merangkumi perkara-perkara seperti berikut:

- i) Tajuk Projek
- ii) Nama Kumpulan Dan Nama Penyelia Projek
- iii) Kerangka Persembahan :
 - a) Pengenalan
 - b) Latar belakang kajian
 - c) Penyataan masalah
 - d) Objektif
 - e) Kepentingan kajian
 - f) Skop atau limitasi kajian
 - g) Metodologi
 - h) Perancangan kerja (Carta Gantt)
 - i) Proses Kerja (Carta Alir)
 - j) Kos Projek
 - k) Penemuan, analisa dan hasil projek
 - l) Perbincangan dan cadangan serta kesimpulan
 - m) Rujukan dan Lampiran
 - n) Hasil Projek
 - o) Kreativiti dan inovasi
- iv) Demonstrasi Fungsi Projek
- v) Penutup / Kesimpulan

Isi kandungan persembahan hendaklah ringkas dan padat yang hanya memaparkan isi-isi penting persembahan sahaja serta dipersembahkan mengikut turutan.

8.2 Masa Persembahan

Tarikh persembahan PTA akan ditetapkan oleh pihak kolej. Masa yang diperuntukan bagi setiap persembahan adalah **15 minit**. Setiap kumpulan perlu mengagihkan masa dengan bijak antara ahlinya bagi setiap pesembahan berdasarkan kepada agihan tajuk-tajuk berikut:

- i) Pengenalan (ahli dan projek)
- ii) Persembahan teknikal
- iii) Kesimpulan & Penutup
- iv) Demonstrasi Projek
- v) Sesi soal jawab

9.0 PENILAIAN PROJEK

Penilaian PTA terbahagi kepada dua iaitu penilaian PTA 1 (2 Kredit) dan Penilaian PTA 2 (4 Kredit). Penilaian PTA akan dinilai mengikut format skema pemarkahan yang telah ditetapkan oleh BPLTV. PTA 1 akan dinilai oleh Penyelia Projek manakala PTA 2 akan dinilai oleh Panel Penilai yang terdiri daripada Penyelia Projek (PP) dan seorang pegawai pengurusan Kolej (Ketua Jabatan atau Ketua Program atau Ketua Bengkel atau Panel Luar yang dilantik oleh BPLTV).

Berikut adalah maklumat ringkas Penilaian PTA

1. Skema Penilaian PTA 1 seperti dalam Jadual 1.

Jadual 1: Skema pemarkahan Projek Tahun Akhir (PTA 1)

| PERKARA DINILAI | PERINCIAN | PERATUS MARKAH |
|--|------------------|-----------------------|
| Kertas Cadangan | Rujuk Lampiran 9 | 60% |
| Buku Log PTA 1 | Rujuk Lampiran 9 | 5% |
| Pembentangan Kertas Cadangan | Rujuk Lampiran 9 | 25% |
| Progres Projek / Kajian mengikut Carta Gantt & Bab1, Bab 2 dan Bab 3 | Rujuk Lampiran 9 | 10% |
| Jumlah Markah PTA 1 | | 100% |

2. Skema Penilaian PTA 2 seperti dalam Jadual 2.

Jadual 2: Skema pemarkahan Projek Tahun Akhir (PTA2)

| PERKARA DINILAI | PERINCIAN | PERATUS MARKAH |
|--------------------------|-------------------|-----------------------|
| Laporan Penulisan Projek | Rujuk Lampiran 11 | 45% |
| Hasil Projek | Rujuk Lampiran 11 | 30% |
| Buku Log PTA 2 | Rujuk Lampiran 11 | 5% |
| Pembentangan Projek | Rujuk Lampiran 11 | 20% |
| Jumlah Markah PTA 2 | | 100% |

3. Sistem Gred Pentaksiran dan Penilaian Projek Tahun Akhir (PTA) seperti dalam Jadual 3.

Jadual 3: Sistem Gred Pentaksiran dan Penilaian Projek Tahun Akhir (PTA)

| Markah | Gred | Nilai Gred | Pencapaian |
|----------|------|------------|------------|
| 90 – 100 | A | 4.00 | CEMERLANG |
| 80 – 89 | A- | 3.67 | |
| 70 – 79 | B+ | 3.33 | KEPUJIAN |
| 65 – 69 | B | 3.00 | |
| 60 – 64 | B- | 2.67 | |
| 55 – 59 | C+ | 2.33 | |
| 50 – 54 | C | 2.00 | LULUS |
| 45 – 49 | D+ | 1.67 | |
| 40 – 44 | D | 1.33 | GAGAL |
| 35 – 39 | D- | 1.00 | |
| 20 – 34 | E | 0.67 | |
| 0 – 19 | F | 0.00 | |

Setiap panel penilai akan membuat penilaian berdasarkan skema pemarkahan yang telah disediakan di dalam Borang Penilaian Projek Tahun Akhir 1 (PTA 1) seperti dalam **Lampiran 9** dan Borang Penilaian Projek Tahun Akhir 2 (PTA 2) dalam **Lampiran 11**. Untuk lulus penilaian ini, semua pelajar WAJIB memenuhi semua perkara yang dinilai seperti dalam Jadual 1 dan Jadual 2 dan memperolehi sekurang-kurangnya 60% daripada markah keseluruhan yang ditetapkan. Calon dengan bimbingan Penyelia Projek hendaklah memainkan peranan masing-masing dalam memastikan Projek Tahun Akhir dilaksanakan dengan baik. Pelajar yang GAGAL PTA 2 dibenarkan mengulang hanya sekali sahaja pada tahun pengajian semasa.

10.0 PENUTUP

Pelaksanaan PTA ini memberi ruang dan peluang kepada pelajar menggunakan segala pengetahuan dan kemahiran yang telah dipelajari untuk membuat kajian dan menghasilkan satu rekabentuk projek bermutu tinggi serta mempunyai ciri-ciri inovatif dan kreatif. Adalah menjadi harapan, agar semua graduan yang bakal dilahirkan nanti mempunyai daya kreativiti dan inovasi yang tinggi serta dapat membantu membangunkan sektor ekonomi negara.

Dengan adanya Garis Panduan PTA ini, diharapkan ianya akan dapat membantu Penyelia Projek dan pelajar untuk menghasilkan Projek Tahun Akhir yang berkualiti serta memenuhi keperluan *Malaysian Qualifications Agency (MQA)* dan *Malaysia Board of Technologists (MBOT)* di peringkat Diploma Vokasional Malaysia (DVM).

LAMPIRAN

| BIL | BUTIRAN LAMPIRAN | KOD LAMPIRAN |
|-----|--|--------------|
| 1 | Contoh Format Kertas Cadangan (<i>Proposal</i>) | Lampiran 1 |
| 2 | Contoh Buku Log PTA 1 | Lampiran 2 |
| 3 | Contoh Buku Log PTA 2 | Lampiran 3 |
| 4 | Format Penulisan Kajian Literatur Dan Rujukan Gaya Sistem American Psychological Association (APA) | Lampiran 4 |
| 5 | Contoh Format Kulit Muka Hadapan, Tulang Tepi dan Muka Hadapan Dalam Laporan PTA | Lampiran 5 |
| 6 | Contoh Pengakuan Penulis, Perakuan Penyelia Projek dan Penghargaan | Lampiran 6 |
| 7 | Contoh Penulisan Abstrak | Lampiran 7 |
| 8 | Contoh Carta Alir Kaedah Pelaksanaan Kajian | Lampiran 8 |
| 9 | Borang Penilaian Projek Tahun Akhir 1 (PTA 1) | Lampiran 9 |
| 10 | Rubrik Penilaian PTA 1 | Lampiran 10 |
| 11 | Borang Penilaian Projek Tahun Akhir 2 (PTA 2) | Lampiran 11 |
| 12 | Rubrik Penilaian PTA 2 | Lampiran 12 |
| 13 | Panduan Penetapan Dokumen Menggunakan MS Word | Lampiran 13 |
| 14 | Contoh <i>Syllabus</i> : PTA 1 | Lampiran 14 |
| 15 | Contoh <i>Syllabus</i> : PTA 2 | Lampiran 15 |
| 16 | Template Penulisan Laporan PTA | Lampiran 16 |
| 17 | Contoh Carta Gantt Pelaksanaan PTA | Lampiran 17 |



KOLEJ VOKASIONAL

Kementerian Pendidikan Malaysia

KERTAS CADANGAN PROJEK TAHUN AKHIR 1 (PTA 1)

(A) MAKLUMAT PELAJAR (Diisi oleh Pelajar)

| | |
|--|--|
| NAMA PROGRAM | |
| KOD KURSUS | |
| TAJUK PROJEK | |
| NAMA PELAJAR (DENGAN HURUF BESAR) | |
| NO. KAD PENGENALAN | |
| NAMA PENYELIA PROJEK | |

(B) MAKLUMAT PROPOSAL :

| Perkara | Ringkasan |
|----------------------|------------------|
| 1. Pengenalan Projek | |

| | |
|-----------------------|--|
| | |
| 2. Pernyataan Masalah | |
| 3. Objektif Projek | |
| 4. Tujuan Projek | |
| 5. Skop Projek | |

| | |
|-----------------------------------|--|
| | |
| 6. Literatur | |
| 7. Metodologi | |
| 8. Anggaran Kos | |
| 9. Perancangan Pelaksanaan Projek | |

| | |
|---|----------------|
| 10. Carta Gantt Pelaksanaan Projek | Rujuk Lampiran |
| 11. Jangkaan Hasil | |
| 12. Rujukan | |
| 13. Lampiran | |

* Sila gunakan helaihan tambahan jika ruangan tidak mencukupi.

PERAKUAN PELAJAR:

Nama Pelajar :

Tandatangan : Tarikh :

No. Telefon: (H/P)..... (R).....

Email :

PENGESAHAN PENYELIA PROJEK (PP):

Nama Pegawai :

Tandatangan : Tarikh :

(Cop Nama Pegawai)

Lampiran 2

KOLEJ VOKASIONAL

Kementerian Pendidikan Malaysia

BUKU LOG PROJEK TAHUN AKHIR 1 (PTA 1)

| | |
|--------------------------------------|--|
| NAMA PROGRAM | |
| KOD PROGRAM | |
| TAJUK PROJEK | |
| NAMA PELAJAR (DENGAN HURUF BESAR) | |
| NO. KAD PENGENALAN | |
| NAMA PENYELIA PROJEK | |

JADUAL PERJUMPAAN PTA 1

| Perjumpaan | Tarikh | Aktiviti |
|------------|--------|----------|
| | | |
| | | |
| | | |
| | | |
| | | |
| | | |
| | | |
| | | |
| | | |
| | | |
| | | |
| | | |
| | | |
| | | |
| | | |
| | | |
| | | |
| | | |
| | | |
| | | |
| | | |



| | | |
|---|--------|----------------------------------|
| Tarikh : | Hari : | Masa : |
| Nama Penyelia Projek : | | |
| Jabatan / Program : | | |
| Ringkasan Perbincangan / Aktiviti | | |
| | | |
| Pelan Tindakan Perbincangan Akan Datang | | |
| Tandatangan Pelajar | | Tandatangan Penyelia Projek (PP) |
| | | |

* Sila gunakan helaian tambahan

KOLEJ VOKASIONAL

Kementerian Pendidikan Malaysia

BUKU LOG PROJEK TAHUN AKHIR 2 (PTA 2)

| | |
|--------------------------------------|--|
| NAMA PROGRAM | |
| KOD PROGRAM | |
| TAJUK PROJEK | |
| NAMA PELAJAR (DENGAN HURUF BESAR) | |
| NO. KAD PENGENALAN | |
| NAMA PENYELIA PROJEK | |

JADUAL PERJUMPAAN PTA 2

| Perjumpaan | Tarikh | Aktiviti |
|------------|--------|----------|
| | | |
| | | |
| | | |
| | | |
| | | |
| | | |
| | | |
| | | |
| | | |
| | | |
| | | |
| | | |
| | | |
| | | |
| | | |
| | | |
| | | |
| | | |
| | | |
| | | |
| | | |
| | | |
| | | |
| | | |
| | | |
| | | |
| | | |
| | | |
| | | |

| | | | | | |
|--|----------------------------------|---------------------|----------------------------------|--|--|
| Tarikh : | Hari : | Masa : | | | |
| Nama Penyelia Projek : | | | | | |
| Jabatan / Program : | | | | | |
| Ringkasan Perbincangan / Aktiviti | | | | | |
| | | | | | |
| Pelan Tindakan Perbincangan Akan Datang | | | | | |
| | | | | | |
| <table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <tr> <td style="padding: 5px;">Tandatangan Pelajar</td> <td style="padding: 5px;">Tandatangan Penyelia Projek (PP)</td> </tr> <tr> <td style="height: 60px;"></td> <td style="height: 60px;"></td> </tr> </table> | | Tandatangan Pelajar | Tandatangan Penyelia Projek (PP) | | |
| Tandatangan Pelajar | Tandatangan Penyelia Projek (PP) | | | | |
| | | | | | |

* Sila gunakan helaian tambahan



LAMPIRAN 3: FORMAT PENULISAN KAJIAN LITERATUR DAN RUJUKAN GAYA SISTEM AMERICAN PSYCHOLOGICAL ASSOCIATION (APA)

**A. Penulisan Nota Rujukan Untuk kajian Literatur Dalam Teks & Bibliografi Gaya
Sistem APA**

Rujukan yang dimasukkan dalam teks, samada sumber rujukan itu telah diterbitkan atau tidak, hendaklah direkodkan. Sebagaimana sistem Harvard, menulis nota rujukan gaya APA juga mengambil kira sumber rujukan atau bahan samada **buku, jurnal, tesis, laman Web** dan sebagainya.

**1. Kaedah Menulis Nota Rujukan Untuk Kajian Literatur Bagi Bahan Yang Diambil
Daripada Buku**

Apabila menggunakan sistem ini, rujukan dalam teks hendaklah ditulis atas nama utama pengarang sahaja (tanpa nama ringkasnya) seperti berikut:

(i) Meletakkan tahun terbitan dalam kurungan selepas nama pengarang yang dirujuk. Contohnya:

“Menurut Brown (2005), salah satu faktor yang menyebabkan guru pendidikan khas meninggalkan bidang tersebut ialah kerana kurang menerima pengiktirafan”.

(ii) Jika nama pengarang tidak perlu ditulis dalam ayat, maka tuliskan nama dan tahun dalam kurungan. Contoh:

“Oleh itu, kajian menunjukkan salah satu faktor yang menyebabkan guru pendidikan khas meninggalkan bidang tersebut ialah kerana kurang pengiktirafan (Brown, 2005)”

(iii) Sekiranya bahan sumber yang dirujuk dihasilkan oleh dua pengarang, tuliskan nama kedua-dua pengarang. Contohnya:

“Mengikut Platt dan Olsen (1990) pula, sesuatu program pendidikan khas hanya akan dapat dilaksanakan dengan sempurna sekiranya guru-guru pendidikan khas menerima pengiktirafan daripada ibu bapa”

(iv) Bagi tiga pengarang atau lebih, tuliskan et.al selepas nama pengarang pertama. Contoh:

“Antara suasana tugas yang dialami oleh guru pendidikan khas dalam program percantuman masalah pendengaran yang mungkin boleh memberi kesan

kepada pencapaian akademik murid adalah pengiktirafan (Podemsky et.al, 1995)"

(v) Gunakan huruf kecil (a,b,c), untuk mengenal pasti dua atau lebih penerbitan bagi pengarang yang sama dan dikeluarkan pada tahun yang sama. Contoh:

"Contoh perisian yang menggunakan bahasa pengaturcaraan kekangan ialah ILOG Solver (Puget dan Albert, 1994a)

"Penggunaan objek amat meluas, terutama dalam pengaturcaraan kepintaran buatan (Puget dan Albert, 1994b)

